

# SIARAN MEDIA

*UNTUK SIARAN SEGERA*

## KONVENSYEN KONTRAKTOR KINI KE WILAYAH UTARA: CIDB PERKASA INDUSTRI PEMBINAAN, TAWAR TIKET RM100 SEMPENA HARI PEKERJA

**KUALA LUMPUR, 1 MEI 2026** – Sempena sambutan Hari Pekerja 2026, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui anak syarikatnya, CIDB Holdings Sdn Bhd, mengumumkan penganjuran **Konvensyen Kontraktor 2026** yang bakal berlangsung pada **15 hingga 16 Julai 2026** di PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena, Pulau Pinang.

Mengangkat tema “**NexGen Builders: Pembina Generasi Baru**”, konvensyen ini memberi fokus khusus kepada usaha memperkasa dan merangsang pertumbuhan industri pembinaan di **wilayah utara**, selari dengan perkembangan pesat projek infrastruktur dan pembangunan strategik di kawasan tersebut.

Selari dengan aspirasi negara untuk meningkatkan produktiviti dan daya tahan industri, CIDB turut memperkenalkan **tawaran istimewa sempena Hari Pekerja**, di mana tiket penyertaan ditawarkan pada harga **RM100 sahaja** (harga asal RM195) kepada peserta yang mendaftar dari tempoh **1 Mei hingga 15 Mei 2026**. Tawaran ini adalah **terhad dan tertakluk kepada syarat**.

Pendaftaran boleh di buat secara dalam talian melalui laman web rasmi:

🔗 <https://www.cidbholdings.com.my/konvensyen-kontraktor/>

## **FOKUS UTAMA: PEMBIAYAAN & KEUPAYAAN KONTRAKTOR**

Berbeza daripada program konvensional, Konvensyen Kontraktor 2026 menyetengahkan forum literasi kewangan dan pengurusan kredit sebagai tunjang utama program, bertujuan membantu kontraktor memahami akses kepada pembiayaan, mengurus aliran tunai serta meningkatkan keupayaan mengembangkan perniagaan.

Forum ini menghimpunkan panel daripada institusi dan agensi utama seperti SME Bank, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), TEKUN Nasional, Credit Guarantee Corporation (CGC) dan beberapa lagi institusi kewangan lain.

Penglibatan pelbagai pihak ini dijangka dapat menyediakan pandangan menyeluruh serta penyelesaian praktikal kepada cabaran pembiayaan yang sering dihadapi oleh kontraktor, khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana.

## **PENDEDAHAN KEPADA PROJEK & TEKNOLOGI MASA DEPAN**

Sepanjang dua hari penganjuran, peserta akan didedahkan kepada pembentangan projek pembangunan utama di wilayah utara, termasuk projek berimpak tinggi seperti:

- **Perlis Inland Port**
- **Projek LRT Mutiara Pulau Pinang**
- **Projek Lebuhraya Juru – Sungai Dua**

Pendedahan ini turut membuka ruang kepada kontraktor tempatan untuk meneroka peluang penyertaan dalam rantaian bekalan projek, termasuk berperanan sebagai vendor atau rakan pelaksana kepada pemaju dan kontraktor utama yang terlibat.

Selain itu, konvensyen ini turut menyetengahkan topik kritikal yang membentuk masa depan industri pembinaan, termasuk:

- **Amalan ESG (Environmental, Social & Governance)**
- **Tenaga hijau (Green Energy)**
- **Pembinaan digital dan teknologi terkini**

Pendekatan ini bertujuan memastikan kontraktor tempatan bukan sahaja bersedia dari segi

peluang projek, malah berdaya saing dalam aspek kemampanan, inovasi dan transformasi digital.

### **PLATFORM MEMPERKASA “NEXT GENERATION BUILDERS”**

Konvensyen ini mensasarkan penyertaan kontraktor G1 hingga G7 serta pemain industri pembinaan lain sebagai platform untuk membina kapasiti, memperluas rangkaian strategik dan meningkatkan pengetahuan industri.

Tema “**NexGen Builders**” mencerminkan keperluan untuk melahirkan generasi kontraktor yang kompeten, celik teknologi dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan landskap ekonomi serta keperluan industri masa hadapan.

Penyertaan daripada syarikat milikan wanita serta usahawan baharu turut digalakkan, sejajar dengan usaha memperkukuh inklusiviti dan pembangunan bakat dalam sektor pembinaan.

### **REBUT PELUANG TAWARAN TERHAD**

CIDB menyeru semua kontraktor, usahawan, profesional serta pemain industri untuk merebut peluang menyertai konvensyen ini, khususnya melalui tawaran istimewa Hari Pekerja yang ditawarkan untuk tempoh terhad.

Dengan pengisian yang komprehensif merangkumi peluang projek, akses pembiayaan serta pendedahan kepada teknologi masa depan, Konvensyen Kontraktor 2026 dijangka menjadi platform penting dalam memacu pertumbuhan industri pembinaan, khususnya di wilayah utara.

**TAMAT**

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.